

Zubair makin yakin bidik sasaran

Kuala Lumpur: Walaupun dijangka akan berdepan saingan sengit dalam acara rifle pada Sukan SEA Singapura bermula bulan depan, penembak negara Muhamad Zubair Mohammad (**gambar**), sudah sedia tanpa gentar untuk menampilkan aksi terbaiknya pada kejohanan dwi tahunan itu.

Zubair yang akan beraksi pada kejohanan ketiganya sejak 2009, menegaskan banyak negara lain di rantau ini dianggap lebih baik dalam acara itu terutama dari Thailand, Vietnam serta tuan rumah Singapura.

“Acara air rifle sangat kompetitif di kalangan negara Asia Tenggara tetapi ia bukan halangan buat saya untuk menunjukkan prestasi terbaik.

“Saya berjanji akan memberikan aksi terbaik dalam acara air rifle 10 meter,” katanya yang kali terakhir meraih pingat di Sukan SEA ialah pada temasya 2009 di

Laos dalam acara air rifle berpasukan.

Saingan sengit

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, dia mahu menebus kekecewaan pulang tanpa sebarang pingat pada Sukan SEA 2011 Indonesia apatah lagi dia sudah bersedia sepenuhnya dengan mengambil bahagian dalam beberapa kejohanan serantau sebelum ini.

“Di Palembang (Indonesia) saya mengambil bahagian dalam acara air rifle 50 meter tetapi gagal memenangi sebarang pingat. Kali ini saya akan cuba sedaya upaya membawa pulang pingat walau-pun kontinjen Malaysia sudah pasti bakal mendapat saingan sengit dari pihak lawan,” katanya.

Dua tahun lalu di Myanmar, skuad menembak negara membawa pulang satu emas, tiga perak dan empat gangsa.